

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHH 356 - Sejarah Politik Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab TIGA soalan sahaja: SATU soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

...2/-

**BAHAGIAN A**

1. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan bahawa pihak British telah berusaha membawa perlembagaan baru bagi Semenanjung Tanah Melayu selepas tamatnya Perang Dunia Kedua kerana mereka telah sedar dan menerima keperluan untuk memulakan proses dekolonisasi?

(100 markah)

2. Dari segi manakah perubahan politik yang berlaku akibat pengaruh British di Semenanjung Tanah Melayu boleh dianggap sebagai mangkin bagi kemunculan satu negara-bangsa moden?

(100 markah)

**BAHAGIAN B**

3. Mengikut pandangan Abdul Rahman Haji Ismail, nasionalisme Melayu telah mengambil masa yang agak lama sebelum "diperjuangkan secara sedar di dalam keadaan yang bersepadu". Pada pandangan anda, apakah sebab utama yang telah membawa kepada keadaan demikian?

(100 markah)

4. Mengikut Mohammed Noordin Sopiee, pergerakan PUTERA-AMCJA merupakan suatu pergerakan politik yang terhad kepada segelintir orang daripada golongan elit dan gagal mendapat sokongan ramai. Apakah, pada pandangan anda, ini bermaksud bahawa PUTERA-AMCJA gagal menandakan suatu tahap penting dalam perkembangan nasionalisme di Persekutuan Tanah Melayu?

(100 markah)

5. Sejauh manakah anda setuju dengan pandangan bahawa politik masyarakat Kadazan dalam tahun-tahun 70an dan 80an menonjolkan ciri-ciri pergerakan nasionalisme?

(100 markah)

... 3/-

BAHAGIAN C

6. Apakah tepat, pada pandangan anda, kalau pergolakan politik yang berterusan di negeri Sarawak dari 1965 hingga 1970 dilihat sebagai akibat daripada tindakan kerajaan pusat yang cuba mengetatkan kawalan terhadap pemimpin peringkat negeri kerana dalam konteks selepas pemisahan Singapura kerajaan pusat mesti mengelakkan berlakunya sekali lagi krisis antara pusat dan negeri?

(100 markah)

7. "Pemisahan Singapura daripada Malaysia berlaku kerana kedua-dua pihak pemimpin Perikatan dan PAP telah tidak berusaha menyelesaikan isu-isu politik dan ekonomi dalam satu suasana persefahaman". Bincangkan.

(100 markah)

oooOooo

